

Bajet 2018 harus memberi perhatian khusus dalam menangani tekanan sara hidup

# Tumpu kebajikan belia, B40




## Menjelang Bajet 2018

Oleh IKHWAN IDERIS

**KUALA LUMPUR** — Kera-jaan diharapkan dapat memberi perhatian khusus kepada golongan belia dan 40 peratus isi rumah ber-pendapatan terendah (B40) terutamanya mereka yang tinggal di kawasan bandar dalam Bajet 2018.

Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia, Prof. Azali Mohamed berkata, kedua-dua golongan tersebut didapati terkesan dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang sederhana



AZALI

dan tekanan sara hidup semasa.

“Golongan belia yang berumur antara 20 hingga 39 tahun mewakili sebahagian besar atau 61 peratus daripada bilangan pekerja di Malaysia, jadi mereka serta kumpulan B40 wajar di-beri perhatian khusus dalam kerangka bajet kali ini.

“Antara aspek yang perlu diberi perhatian bagi golongan belia adalah peluang pekerjaan, yang mana isu pengangguran berkait rapat dengan prestasi ekonomi semasa,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Bajet 2018 akan dibentangkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Tun Razak di Parlimen pada Jumaat ini.

Ia adalah bajet tahun ketiga



PENINGKATAN paras harga bagi barang dan perkhidmatan memaksa orang ramai mengeluarkan perbelanjaan yang lebih tinggi dan menambah kepada bebanan hidup — Gambar hiasan

di bawah pelan pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang menyasarkan ke arah sebuah negara berpenda-

patan tinggi menjelang tahun 2020.

Dalam pada itu, Azali turut menyarankan supaya kerajaan

mengambil langkah proaktif bagi menangani kenaikan kos sara hidup di kawasan bandar.

Jelasnya, bebanan kos sara hidup yang dirasai oleh isi ru-mah masa kini adalah akibat daripada pergerakan paras har-ga yang meningkat lebih tinggi berbanding dengan peningkatan kadar upah.

Ini, ujarnya, mengakibatkan isi rumah terpaksa berbelanja lebih banyak untuk barang dan perkhidmatan.

“Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 me-nunjukkan purata perbelanjaan penggunaan penduduk bandar meningkat sebanyak 5.8 peratus setahun dari RM3,921 ke RM4,402 untuk tempoh 2014 se-hingga 2016.

“Sekiranya usaha proaktif tidak dilakukan, kemiskinan di bandar dijangka akan mening-kat lebih tinggi,” katanya.